



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 46/2021 dari 14 November hingga 20 November 2021)**

Pada minggu ke-46, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 4 kes (0.8%), menjadikan jumlah kes 476 berbanding 480 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-46. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 23,057 kes berbanding 84,688 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 61,631 kes (72.8%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 18 kematian berbanding 135 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 117 kematian (86.7%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak lima (5) lokaliti hotspot baru dilaporkan pada minggu ke-46 menjadikan sejumlah 11 lokaliti hotspot aktif berbanding enam (6) lokaliti pada minggu sebelumnya. Dari 11 lokaliti tersebut, 10 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan satu (1) lokaliti hotspot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.


Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 25 kes pada minggu ke-46 yang mana 10 kes dari Selangor, masing-masing empat (4) kes dari WPKL & Putrajaya dan Kelantan, tiga (3) kes dari Pulau Pinang serta masing-masing dua (2) kes dari Kedah dan Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,274 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,407 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Curahan hujan yang meningkat pada musim tengkujuh boleh mengakibatkan kejadian banjir serta peningkatan kes Demam Denggi. Setiap lapisan masyarakat perlu proaktif dalam memastikan persekitaran kediaman dan premis tempat kerja bebas dari bekas berpotensi pembiakan nyamuk. Lakukan aktiviti gotong-royong sendiri serta luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu bagi memeriksa dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Bersihkan palong air hujan dan longkang daripada sampah yang tersekat. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam kolam air, kolam hiasan serta pam tandas. Nyamuk Aedes hanya memerlukan air yang sedikit sahaja untuk bertelur dan melengkapkan kitaran hidup sebelum menjadi nyamuk dewasa. Selain itu juga, pakai pakaian yang menutup anggota tubuh serta gunakan repelan bagi mencegah gigitan nyamuk. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


30 November 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 45 dan ke- 46 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 46 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-46 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 46/2021**  
**(14 November hingga 20 November 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 46/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 46/2020	
		Minggu 46 (14 November – 20 November 2021)		Minggu 45 (7 November – 13 November 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	25	0	15	0	489	1	749	0
3	P. Pinang	8	0	11	0	357	0	944	2
4	Perak	5	0	18	0	514	1	2,559	3
5	Selangor	285	0	282	0	13,745	2	42,011	36
6	WP KL & Putrajaya	49	0	46	0	2,793	2	9,965	7
7	N. Sembilan	12	0	10	0	544	1	2,728	8
8	Melaka	10	0	5	0	541	0	2,603	8
9	Johor	27	0	25	1	1,588	4	10,669	40
10	Pahang	6	0	10	0	395	2	2,993	8
11	Terengganu	0	0	1	0	37	0	374	0
12	Kelantan	3	0	5	0	194	0	3,792	6
13	Sarawak	6	0	6	0	344	0	1,444	2
14	Sabah	40	0	46	0	1,491	5	3,771	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	6	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>476</b>	<b>0</b>	<b>480</b>	<b>1</b>	<b>23,057</b>	<b>18</b>	<b>84,688</b>	<b>135</b>

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 46/2021  
(14 November hingga 20 November 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan PS 3 Taman Pelangi Semenyih	20	79
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 16-19 Taman Saga	17	58
3	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU10 Armanee Kondo	20	49
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Putera 1/1-11/1 Bandar Mahkota Cheras	5	42
5	WPKL	Cheras	Alam Damai (Jalan Damai Rasa)	9	39
6	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 4 (Teres A : Jln 4/2 - 4/3)	9	37
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kantan Permata	5	32
8	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Perkasa Indah	5	32
9	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berlian	15	32
10	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (A,B,C)	9	32
11	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	10	31

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 46/2021 (20 November 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	127
		Kota Setar	2	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	45
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	21	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	12	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	13	13
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	36	69
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	3	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	23	

9.	Selangor	Gombak	150	284
		Hulu Langat	70	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	430
		Kepong	140	
		Lembah Pantai	63	
		Titivangsa	176	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>1,274</b>	